

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk mewujudkan dana tambahan bagi Skim Mikrokredit kelolaan Bank Simpanan Nasional (BSN) disebabkan masih ramai peniaga-peniaga kecil yang memerlukannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhan TEKUN Nasional pada 1999 sehingga Oktober 2020, TEKUN telah menerima dana pembiayaan sebanyak RM3.51 billion dengan tujuan membantu peniaga-peniaga kecil untuk mendapatkan modal bagi menjalankan urusan perniagaan.
2. Sehingga kini, TEKUN telah menyalurkan sebanyak RM6.3 billion dana pembiayaan yang telah memberi manfaat kepada 470,862 orang usahawan mikro.
3. Bagi tempoh Januari – Mac 2020 sebelum penularan pandemik Covid-19, TEKUN telah menyalurkan dana pembiayaan kepada 4,304 usahawan bernilai RM91.1 juta. Walau bagaimanapun, sehingga Oktober 2020, bilangan usahawan yang menerima dana pembiayaan TEKUN meningkat kepada 29,262 usahawan.
4. Secara purata bilangan usahawan yang menerima dana pembiayaan TEKUN meningkat daripada 1,435 usahawan sebulan kepada 3,565 usahawan sebulan semasa tempoh Covid-19.
5. Berdasarkan peningkatan ini, usahawan mikro amat memerlukan dana pembiayaan tambahan bagi kelangsungan perniagaan mereka.

Sekian, terima kasih.